

TEKS UCAPAN ALUAN

YBhg. Dato' Sr Mohd Zaid Zakaria
Ketua Eksekutif, CIDB Malaysia

CIDB QUEST AWARD 2024

22 Oktober 2024

(SALUTASI AKAN DISEDIAKAN OLEH PENGANJUR)

Pemimpin industri, semua penerima pengiktirafan dan anugerah, para peserta ICW & BuildXpo 2024, wakil-wakil media, para hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia-Nya, kita semua dapat berkumpul di QUEST 2024 anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya yang sudi melapangkan masa bagi menghadiri majlis hari ini dan menyampaikan sijil dan anugerah kepada pemenang.

3. QUEST 2024 sebelum ini dikenali dengan nama SHEQ Day, iaitu Hari *Safety & Health, Environment and Quality*, bertujuan untuk mengiktiraf dan menganugerah pemain industri yang berupaya melaksanakan projek pembinaan dengan menjaga kualiti hasil kerja, kelestarian alam sekitar serta menitikberatkan aspek keselamatan dan kesihatan. Hari anugerah ini kembali lagi dengan nama baharu dan dengan tujuan diperhalusi.

4. QUEST 2024 **terus memberi fokus** kepada keselamatan dan kesihatan, persekitaran dan kualiti industri pembinaan negara di mana pengiktirafan yang diperolehi oleh penggiat industri di majlis ini akan menambah keyakinan pengguna terhadap syarikat atau organisasi tersebut dan meningkatkan kredibiliti mereka di kaca mata industri pembinaan negara.

5. Lebih-lebih lagi, ia seiring dengan tuntutan global yang menekankan pentingnya daya tahan industri terhadap cabaran perubahan iklim dan keperluan untuk kemampanan. Menghadapi realiti ini memerlukan kepimpinan yang lebih berani, inovasi yang lebih maju dan budaya keselamatan yang lebih teguh.

6. CIDB meneruskan tradisi mengiktiraf projek yang cemerlang dalam Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan (QLASSIC), Sistem Penilaian

Prestasi Keselamatan dan Kesihatan dalam Pembinaan (SHASSIC), serta Alat Pengekalan Karbon dan Pengekalan Alam Sekitar (MyCREST) dan Kemampanan Infrastructure Rating Tool (INFRASTAR) dalam sektor pembinaan.

7. Malaysia, melalui CIDB dan rakan strategik, telah menjadi contoh di kalangan negara ASEAN dari segi pelaksanaan sistem penilaian berkualiti seperti QLASSIC dan SHASSIC. Tidak hanya setakat itu, pengiktirafan ini juga membantu meletakkan syarikat-syarikat kita pada tahap yang positif di pentas antarabangsa. Ini memperkukuhkan keyakinan global terhadap syarikat Malaysia yang mampu memimpin industri pembinaan mampan.

8. QUEST 2024 juga **membawa dimensi baharu** yang lebih menyeluruh dan inklusif. Sebagai langkah progresif, CIDB kini memperkenalkan anugerah untuk mengiktiraf penggiat industri yang telah mencapai prestasi yang memberangsangkan di dalam penilaian Program Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor (SCORE), dan juga yang berjaya melalui proses audit Contractor's Quality Management System (CQMS), di mana pelaksanaan CQMS ini turut menyumbang kepada pemarkahan SCORE.

9. Pengiktirafan yang diberi mencorak satu langkah ke hadapan untuk memastikan bahawa aspek kualiti, keselamatan, kesihatan dan kelestarian tidak lagi menjadi pilihan, tetapi suatu kewajipan dalam semua projek pembinaan. Saya percaya dengan adanya sokongan yang padu daripada semua pihak, kita akan terus menjadi peneraju industri pembinaan mampan di peringkat global.

10. Hari ini, kita akan menyaksikan 122 pemenang. Tahniah kepada semua penerima anugerah pada pagi ini. Anda bukan sahaja menjadi inspirasi kepada syarikat-syarikat lain, tetapi juga duta kepada industri pembinaan yang lebih cemerlang.

11. Pencapaian cemerlang anda melalui pelbagai sistem penilaian QCLASSIC, SHASSIC, MyCREST dan SCORE adalah refleksi kepada usaha berterusan dan daya tahan industri dalam mendepani cabaran era digitalisasi yang berkembang pesat serta pematuhan kepada prinsip ESG yang semakin penting.

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya kerana meluangkan masa untuk majlis ini. Kehadiran Dato' Sri menunjukkan komitmen beliau yang begitu tinggi terhadap pembangunan industri pembinaan. Tahniah diucapkan kepada pemenang QUEST 2024, semoga dengan kemenangan ini akan menggalakkan saingan yang sihat di antara penggiat industri, serta meningkatkan kualiti, keselamatan dan kemampanan alam sekitar dalam projek pembinaan agar industri pembinaan Malaysia dapat menjadi satu industri yang bertaraf dunia, kompetitif dan mampan.

Sekian, terima kasih.